

24 NOV 1996

Apec-kemenangan

ITA : KEMENANGAN UNTUK MALAYSIA DAN NEGARA MEMBANGUN

Oleh: Yong Soo Heong

MANILA, 24 Nov (Bernama) -- Keputusan Amerika Syarikat untuk menggugurkan kemahuan untuk menjadikan tahun 2000 sebagai matlamat pelaksanaan Perjanjian Teknologi Maklumat (ITA) dilihat sebagai kemenangan untuk Malaysia dan negara-negara membangun lain yang menentang cadangan untuk membuka pasarannya kepada semua barangan keluaran teknologi maklumat (IT) dalam tempoh yang singkat.

Bantahan negara-negara membangun itu berpunca daripada kebimbangan mereka bahawa langkah itu akan mengakibatkan pasaran dan industri IT mereka dikuasai oleh keluaran dan perkhidmatan dari negara-negara maju.

Menteri-menteri ekonomi yang menghadiri mesyuarat peringkat menteri Apec menyokong inisiatif Amerika untuk membuka pasaran IT tanpa menetapkan tempoh masa tertentu. Tanpa isu tarikh pelaksanaan daripada perjanjian itu, menteri-menteri Apec akhirnya berjaya mencapai persetujuan.

Bagaimanapun, masih terdapat beberapa pihak dalam delegasi Amerika yang berusaha untuk menetapkan tahun 2000 sebagai tarikh pelaksanaan perjanjian itu.

Mengikut komitmen Malaysia terhadap Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Perkhidmatan, ia hanya akan membuka pasaran beberapa jenis perkhidmatan tambah-nilai yang tertentu saja kepada negara luar.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz berkata bantahan Malaysia terhadap cadangan Amerika itu tidak bermakna bahawa Malaysia keberatan untuk membuka pasaran ITnya.

Sebaliknya, beliau berkata 60 peratus daripada keluaran IT di Malaysia tidak dikenakan cukai.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pula berkata bahawa Malaysia tidak boleh memberi sokongan sepenuhnya terhadap ITA.

"Kita hanya menyokong perkara-perkara yang tidak merugikan kita. Kami diberitahu bahawa ITA adalah baik untuk kami. Kami akan mengkajinya terlebih dahulu," kata beliau kepada ahli-ahli perniagaan terkemuka Apec.

Mengenai Pelan Bertindak Individu (IAP) seperti yang ditetapkan oleh Pelan Bertindak Manila untuk Apec (MAPA), Malaysia akan memberikan komitmen untuk membuka pasarannya menerusi langkah-langkah tarif dan bukan tarif, termasuk langkah pengurangan cukai seperti yang terkandung dalam Belanjawan 1997.

Mengenai komitmen Malaysia terhadap pelan itu, pendiriannya ialah untuk mengambil langkah secara berterusan dengan mengurangkan tarif secara sehalu menerusi belanjawan tahunannya.

Dalam membuka pasaran di sektor perkhidmatan, Malaysia komited untuk membenarkan pelabur asing untuk menguasai sehingga 49 peratus saham dalam syarikat broker saham tempatan. Pelabur asing juga turut dibenarkan untuk memiliki sehingga 70 peratus daripada saham syarikat pengurusan dana tempatan.

Bagi sektor perkhidmatan kewangan, kira-kira 40 peratus daripada perkhidmatan pembiayaan perdagangan di Malaysia dijalankan oleh institusi-institusi kewangan asing manakala dalam sektor insurans, syarikat-syarikat asing menguasai 65 peratus daripada pasaran tempatan.

Mengenai sektor perbankan komersil, institusi-institusi asing menguasai 40 peratus daripada jumlah aset keseluruhan.

Rafidah memberitahu rakan-rakan sejawatan beliau pada mesyuarat itu bahawa Malaysia akan terus mempertingkatkan komitmennya terhadap IAP dan langkah-langkah membuka pasarannya serta memotong tarif setakat yang

terdaya.

Beliau juga berkata bahawa negara-negara anggota Apec tidak seharusnya hanya menumpukan perhatian kepada IAP semata-mata dalam soal pembukaan pasaran masing-masing.

"Kita juga perlu menilai mengenai tahap keterbukaan pasaran sesebuah negara anggota dengan melihat keadaan pasaran sebenar seperti tahap penyertaan pihak asing dalam pasaran dan ekonominya," kata beliau.

Malaysia berpendapat bahawa proses Apec mestilah berpandukan kepada keadaan pasaran yang sebenar dan bukannya ditentukan oleh faktor politik.

Ia juga perlu memastikan bahawa kepentingan pelbagai hala yang diambil adalah selari dengan kepentingan nasional setiap negara anggota.

Pendirian Malaysia terhadap komitmen untuk menyokong inisiatif Apec berasaskan kepada falsafah "memberikan komitmen terbaik mungkin setakat yang terdaya" serta mengambil kira perbezaan tahap ekonomi di kalangan negara-negara anggota Apec.

Beliau juga berkata semua pihak mesti menerima hakikat bahawa oleh kerana Apec berasaskan kepada kemuafakatan, maka apabila wujud perbezaan pendapat mengenai sesuatu perkara, negara-negara anggota yang tidak bersetuju tidak boleh dipaksa untuk menerimanya.

MAPA mengandungi pelbagai proses dan komitmen yang dipersetujui oleh 18 negara anggotanya bagi membawa rantau itu ke arah pasaran lebih terbuka.

Bagi pihak Malaysia, ia memberikan komitmen yang padu terhadap lebih daripada 320 projek yang telah atau akan dijalankan. -- BERNAMA

SHY MZ MAI